

R



FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA

Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Calon: SA'ADIAH HJ. MOHAMAD ALI

No. Pendaftaran: PGA 99061

Nama Ijazah: SARJANA PENDIDIKAN

Tajuk Kertas Projek: PENILAIAN GURU TERHADAP KAEDAH

..... PEMBELAJARAN MATEMATIK BERASASKAN WEB UNTUK

..... TAJUK SET

Bidang Pengkhususan: TEKNOLOGI PENDIDIKAN

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya terdapatnya hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvesyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

Tandatangan: *Saadiah* Tarikh: 21.03.2001

ACR - 2530
INVC. 28/12/01.....

**PENILAIAN GURU TERHADAP KAEDAH PEMBELAJARAN
MATEMATIK BERASASKAN WEB UNTUK TAJUK SET**

Sa'adiyah Hj. Mohamad Ali

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan**



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penilaian guru terhadap kaedah pembelajaran Matematik berasaskan Web untuk tajuk Set. Tumpuan kajian adalah kepada aktiviti-aktiviti dan enam *link* pembelajaran yang disediakan dalam satu templat pembelajaran secara *online*.

Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk satu sesi bengkel. Seramai 18 orang guru Matematik daripada 9 buah sekolah menengah dipilih sebagai sampel kajian. Data kajian dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik dan borang senarai semak.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa guru memberi pandangan yang positif terhadap kaedah pembelajaran Matematik berasaskan Web untuk tajuk Set. Majoriti guru bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam kaedah ini boleh mewujudkan pembelajaran secara aktif iaitu menggalakkan pembelajaran secara koperatif dan kolaboratif, pembelajaran secara pengalaman, dan pembelajaran secara reflektif.

Kebanyakan guru bersetuju bahawa keenam-enam *link* pembelajaran memberi manfaat kepada pelajar. Dari segi kesesuaiannya pula, kebanyakan guru berpendapat bahawa *link-link* pembelajaran tersebut adalah lebih sesuai untuk pelajar tahap tinggi dan digunakan di luar masa kelas atau sebagai aktiviti sampingan.

Guru-guru tersebut juga berpuas hati dengan kandungan pelajaran dan elemen-elemen yang terdapat pada tapak Web, kecuali pengambilan masa yang lama untuk pindah turun (*download*). Komen mengenai ciri-ciri kekuatan, ciri-ciri kelemahan serta cadangan yang diberikan oleh guru terhadap keseluruhan kaedah ini adalah

menggalakkan. Komen-komen tersebut dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam mengendalikan kaedah ini atau merancang kaedah yang serupa pada masa hadapan.

Beberapa implikasi kepada kepentingan proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan Web, dan potensi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran berasaskan Web turut dibincangkan.

TEACHERS' EVALUATION OF A WEB-BASED MATHEMATICS LEARNING METHOD FOR THE TOPIC "SET"

ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate teachers' evaluation on a Web-based Mathematics learning method for the topic "Set". The study focused on the learning activities and the six links in an online learning template designed for Mathematics learning.

The study was conducted in the form of a workshop. A total of 18 teachers from 9 secondary schools were selected as the sample in this study. Data was collected through questionnaire and checklist.

Overall, the findings in this study indicated that teachers held positive view towards the use of Web-based Mathematics learning method for the topic "Set". A majority of the teachers agreed that the activities were able to bring about active learning, that is to encourage cooperative and collaborative learning, experiential learning, and reflective learning.

Most of the teachers agreed that all the links would benefit students. In terms of the suitability of the links, most teachers had the opinion that the links were more suitable for high ability students and that they are to be used outside formal class hours as supplementary activities.

The teachers rated the lesson content and the elements in the website as satisfactory, except for the downloading time. Teachers' comments with regards to the strengths and weaknesses of this method were encouraging. Their comments will serve as guidelines for future planning and implementation of this Web-based learning method.

Discussions concerning implications towards the importance of Web-based teaching and learning processes and the potential of Web-based learning environment are included.